

**Majlis Belia Felda Bidas Tuntutan Durian Runtuh Pembangkang
Bernama
30 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- Majlis Belia Felda Malaysia (MBFM) membidas tuntutan pembangkang yang meminta kerajaan memberikan durian runtuh sehingga RM50,000 kepada peneroka dan bukannya RM15,000.

Presidennya Anuar Abd Manaf berkata tuntutan itu juga menunjukkan pembangkang berfikiran dangkal dan tidak mengetahui kekuatan sebenar Felda, perbelanjaan serta perancangan strategik yang dirangka demi kepentingan masyarakat peneroka.

"Dulu mereka sendiri yang mengatakan Felda bankrap. Ini menunjukkan mereka tidak tahu kekuatan Felda. Sebenarnya banyak bantuan diberikan kepada golongan peneroka dan bukannya hanya durian runtuh itu sahaja," katanya kepada Bernama Rabu.

Anuar berkata antara bantuan yang diberikan kepada golongan peneroka ialah pinjaman perumahan tanpa faedah, sara hidup RM1,000 hingga RM1,500 bagi tempoh tanam semula, pemberian untuk anak yang masuk universiti sebanyak RM1,000 dan bonus hari raya.

Bantuan lain ialah seperti peruntukan untuk masjid, infrastruktur seperti kebersihan longkang dan parit, program di peringkat tanah rancangan, hari peneroka dan elaun-elaun untuk ketua blok, katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=669856>